



**KENYATAAN AKHBAR
PENGARAH KESIHATAN NEGERI JOHOR**

**WABAK DENGGI DI TAMAN SERI LAMBAK (T6)
KLUANG JOHOR**

Jabatan Kesihatan Negeri Johor ingin memaklumkan kejadian wabak denggi Taman Sri Lambak (T6), Kluang, Johor mulai 11 Mei 2019. Kejadian wabak ini berlaku kebanyakannya di sekitar Jalan Yakin, di mana notifikasi pertama diterima pada 9 Mei 2019 dan sehingga kini terdapat 52 kes denggi dilaporkan. Tiga (3) daripada kes tersebut telah dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU), Hospital Enche Besar Hajjah Kalsom (HEBHK) dengan 1 kematian dilaporkan pada 9 Jun 2019.

Hasil pemeriksaan pihak jabatan kesihatan di kawasan wabak mendapati punca utama kejadian wabak adalah pembiakan Aedes yang tinggi di kawasan tersebut. Faktor penyumbang utama adalah rumah-rumah kosong yang bersemak-samun serta kurang kerjasama penduduk semasa aktiviti semburan kabus (fogging) dilaksanakan oleh anggota kesihatan. Di samping itu, penjagaan kebersihan persekitaran kediaman tidak memuaskan, di mana pembiakan Aedes masih ditemui walaupun pemilik telah dikenakan kompoun sebelum ini.

Pihak jabatan kesihatan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk membanteras penularan demam denggi, termasuk:

1. Pemeriksaan dan penghapusan tempat pembiakan (PTP) secara berterusan bermula tarikh notifikasi sehingga kini. Satu aktiviti '*Walkabout*'

telah diadakan di taman Sri Lambak bagi meninjau keberkesanan aktiviti kawalan pada 10 Jun 2019.

2. Aktiviti *Larvaciding*, Semburan Ruang Thermal (SRT) dan Semburan *Ultra Low Volume* (ULV) di sekitar kawasan wabak setiap 5 - 7 hari. Aktiviti kawalan terus dipergiatkan dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan.
3. Penguatkuasaan tempat pembiakan dengan sebanyak 43 notis telah dikeluarkan untuk kawasan Taman Sri Lambak bagi tempoh wabak. Aktiviti pecah masuk bagi rumah kosong akan dilaksanakan seberapa segera bersama pihak berkuasa tempatan (PBT).
4. Gotong-royong bersama komuniti dan agensi-agensi berkaitan telah dilaksanakan pada 18 Mei 2019. Pihak yang terlibat adalah KRT Yakin Taman Sri Lambak, Ahli Majlis Taman Sri Lambak, The Lions Club (NGO), SWCorp, PKD Kluang dan Majlis Daerah Simpang Renggam.
5. Advokasi dan promosi Kesihatan. Mesyuarat wabak denggi luar biasa telah diadakan pada 11 Jun 2019 dengan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Kluang dan dihadiri oleh ketua-ketua dari pelbagai agensi berkaitan. Aktiviti promosi dilaksanakan melalui edaran risalah kesihatan dan hebahan wabak denggi kepada masyarakat setempat, di samping hebahan di masjid melalui jawatankuasa masjid semasa solat tarawih lalu

Jabatan kesihatan ingin menasihatkan orang awam, khususnya di kawasan Taman Sri Lambak agar:

1. Sentiasa peka dengan keselamatan dan kebersihan sekeliling kawasan rumah dan segera menghapuskan tempat pembiakan nyamuk di luar atau di dalam rumah. Pastikan tiada tempat takungan yang boleh menjadi pembiakan Aedes dengan memeriksa persekitaran rumah sendiri setiap minggu. Adalah dimaklumkan sekiranya terdapat pembiakan aedes di premis kediaman, **kompaun** sebanyak **RM500.00** akan dikenakan.

Sekiranya gagal membayar kompaun, boleh dikenakan **denda sehingga RM10,000.00 jika disabit kesalahan.**

2. Menggunakan repellent apabila berada di luar rumah (awal pagi dan senja, jam 5-7 pagi atau 5-7 petang) dan memakai pakaian lengan panjang dan seluar berwarna cerah.
3. Memberi kerjasama kepada pihak jabatan semasa mereka menjalankan aktiviti penyemburan kabus dengan membuka pintu dan tingkap premis. Sekiranya perlu, gunakan semburan Aerosol bagi membunuh nyamuk dewasa di dalam rumah.
4. Sekiranya mengalami demam, segeralah mendapatkan pemeriksaan dan rawatan di klinik kesihatan berhampiran. Sebarang kelewatan boleh membawa maut.

Pada masa yang sama, jabatan kesihatan juga berharap orang ramai sentiasa mendapatkan maklumat yang tepat dari sumber yang boleh dipercayai sebelum menularkan sesuatu informasi.

Sekian, terima kasih.

DR SELAHUDEEN BIN ABD AZIZ

Pengarah Kesihatan Negeri Johor

12 Jun 2019